

Status Najib 'Individu Dalam Pemerhatian'

UM - 14/12/2021 ml: 10

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hari ini 'terpaksa' meninggalkan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bersama-sama peguam bela utamanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah selepas status MySejahtera mereka bertukar warna.

Ia menyebabkan perbicaraan kes Ahli Parlimen Pekan itu berhubung penyelewengan dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 bilion di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Colin Lawrence Sequerah terpaksa ditangguhkan sehingga hari ini bagi memastikan status sebenar mereka.

Menurut seorang peguam bela Najib, Datuk Hariharan Tara Singh, pada mulanya status MySejahtera bekas Presiden UMNO itu dan Muhammad Shafee masing-masing berstatus 'Individu Dalam Pemerhatian' dan 'Kontak Kasual'.

Tetapi selepas diminta kaktangan mahkamah agar masing-masing mengemas kini profil kes-

ihatan di aplikasi tersebut, status Najib dan Muhammad Shafee bertukar 'biru' (Risiko Rendah).

Menurut Tatacara Operasi Standard (SOP) Pencegahan Wabak Covid-19 Mahkamah Malaysia, hanya individu status berwarna biru dibenarkan masuk ke bangunan mahkamah manakala lain-lain warna tidak dibenarkan.

Tambah Hariharan, selepas Najib dan Muhammad Shafee menjawab beberapa soalan dalam MySejahtera mereka, status biru mereka bertukar kembali menjadi 'Individu Dalam Pemerhatian' dan 'Kontak Kasual' menyebabkan kedua-dua individu terbabit terpaksa meninggalkan premis tersebut.

Mahkamah kemudian mengarahkan mereka membuat ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 yang kemudian dimaklumkan bahawa hasil ujian RTK Najib dan Muhammad Shafee negatif namun status MySejahtera mereka masih tidak berubah.

"Kedua-duanya (Najib dan

Muhammad Shafee) juga telah menjalani ujian RT-PCR semalam tetapi status masih lagi belum bertukar. Kedua-duanya masih mempunyai kontak dengan individu yang positif Covid-19," kata peguam itu.

Sehubungan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib mencadangkan agar perbicaraan kes itu dijalankan secara hibrid sejajar dengan peruntukkan Seksyen 15A Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman (CoJA) (Pindaan) 2020 yang membenarkan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi mengendalikan prosiding melalui siaran langsung video atau televisyen atau mana-mana alat komunikasi.

"Pihak pendakwaan dan saksi-saksi pendakwaan serta peguam-peguam bela yang lain boleh berada di Mahkamah manakala Najib dan Muhammad Shafee akan menyertai prosiding secara dalam talian," kata Ahmad

Bagaimanapun, cadangan itu dibantah oleh Hariharan atas

alasan prosiding secara hibrid hanya sesuai bag prosiding yang tidak membabitkan kehadiran saksi dan para peguam hanya hadir untuk berhujah tanpa perlu memerhatikan perilaku dan sikap saksi mahupun tertuduh.

Tambahnya, sekiranya seseorang saksi itu menyatakan sesuatu yang baharu, pihak peguam perlu mendapatkan penjelasan daripada saksi dan tertuduh.

"Saya difahamkan, walaupun mikrofon berada dalam mod senyap (mute) tetapi pembesar suara (speaker) masih lagi terpasang dan terdapat potensi perkara yang dibincangkan dengan Datuk Seri akan didengar oleh pihak lain.

"Kelebihan berkomunikasi (*privileged communication*) tidak akan ada di antara peguam dan anak guam," katanya.

Hakim Sequerah selepas mendengar hujah ringkas kedua-dua pihak memberitahu, beliau akan membuat keputusan berhubung perbicaraan hibrid itu hari ini.